

PHARMANIAGA FLUCONAZOLE CAPSULE

Fluconazole (100mg, 150mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Fluconazole Capsule
2. Bagaimana Pharmaniaga Fluconazole Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule
4. Cara pengambilan Pharmaniaga Fluconazole Capsule
5. Semasa mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Fluconazole Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Fluconazole Capsule

Pharmaniaga Fluconazole Capsule ialah salah satu kumpulan ubat 'anti-kulat'. Bahan aktifnya ialah Fluconazole. Ubat ini digunakan bagi golongan orang dewasa untuk merawat jangkitan disebabkan oleh kulat. Jangkitan kulat yang biasa diketahui umum ialah yis dipanggil Candida.

Bagaimana Pharmaniaga Fluconazole Capsule berfungsi

Ia berfungsi dengan menghalang pertumbuhan organisma kulat atau yis yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini sekiranya anda mempunyai alahan kepada:

- Bahan aktif ubat ini, Fluconazole atau pada mana-mana bahan yang terkandung di dalam ubat ini seperti yang disenaraikan pada bahagian Maklumat Lanjut di akhir risalah ini.
- Ubat antikulat yang sama seperti miconazole, ketoconazole atau clotrimazole.

Antara tanda-tanda tindakbalas alahan seperti:

- Kesukaran bernafas
- Nafas berbunyi
- Bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian tubuh yang lain.
- Ruam dan rasa gatal pada kulit.

Jangan mengambil ubat ini sekiranya anda sedang mengambil ubat:

- Ubat untuk merawat masalah perut (cisapride)
- Ubat untuk merawat masalah alahan (terfenadine) dan anda sedang mengambil dos Pharmaniaga Fluconazole Capsule 400mg sehari atau lebih tinggi .

Jangan mengambil ubat ini jika ia telah tamat tempoh sepertimana yang telah dicetak pada pembungkusan ubat ini atau terdapat kesan koyakan atau tanda-tanda ia telah dibuka.

Jika ia telah tamat tempoh, pulangkan kembali kepada ahli farmasi anda untuk tujuan pelupusan.

Sila berjumpa dengan doktor anda jika anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini atau sebaliknya.

-Sebelum mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai atau pernah mengalami keadaan berikut:

- Masalah hati
- Masalah kulit (gatal-gatal, radang pada kulit)

Sebelum mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule, beritahu doktor anda jika anda mengalami keadaan yang berikut:

- Hamil atau merancang untuk hamil
- Pharmaniaga Fluconazole Capsule boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi anda yang belum lahir. Anda tidak boleh mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule semasa mengandung melainkan

doktor anda membenarkannya. Beritahu doktor anda jika anda mengandung atau merancang untuk mengandung.

- Jika anda seorang wanita yang berpotensi mengandungkan anak, elakkan diri daripada mengandung semasa rawatan. Gunakan kontraseptif yang berkesan semasa rawatan dan 1 minggu selepas rawatan.
- Penyusuan susu ibu
- Pharmaniaga Fluconazole Capsule dikumuhkan dalam susu ibu manusia, oleh itu penggunaannya kepada ibu-ibu menyusui tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, penyusuan susu akan dikekalkan jika anda mengambil satu dos Pharmaniaga Fluconazole Capsule 150mg. Penyusuan susu ibu tidak disyorkan selepas dos tinggi (lebih daripada 150mg) atau penggunaan berulang Pharmaniaga Fluconazole Capsule.

Doktor anda akan berbincang dengan anda berkenaan risiko dan kebaikan yang boleh berlaku. Jika anda tidak pernah memberitahu doktor anda mana-mana perkara di atas, beritahu beliau sebelum anda mula mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat dan Pharmaniaga Fluconazole Capsule akan mengganggu kesan tindakan di antara satu sama lain. Ini termasuk ubat-ubat berikut:

- Ubat *anticoagulant*
- Ubat untuk mengawal alahan (terfenadine).
- Ubat untuk merawat masalah perut (cisapride).
- Ubat untuk mengawal penyakit sawan (phenytoin).
- Ubat untuk merawat asma/lelah (theophylline).
- Ubat untuk merawat masalah bendalir / cecair dalam badan (diuretik) atau ubat merawat

PHARMANIAGA FLUCONAZOLE CAPSULE

Fluconazole (100mg, 150mg)

penyakit darah tinggi (hydrochlorothiazide).

- Ubat pencegah kehamilan
- Ubat untuk mengawal sistem pertahanan /imun badan seperti cyclosporin dan tacrolimus.
- Sesetengah ubat antivirus atau antibiotik seperti rifampicin, rifabutin dan zidovudine.

Kesan ubat-ubat ini mungkin boleh terganggu akibat Pharmaniaga Fluconazole Capsule atau memberi kesan kepada cara ubat ini untuk bertindak dengan baik.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai maklumat yang lebih terperinci berkenaan ubat mana yang harus diambil atau dicegah semasa pengambilan ubat ini.

Cara pengambilan Pharmaniaga Fluconazole Capsule

Sila patuhi arahan pengambilan seperti yang telah diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan sebaiknya. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak faham tentang arahan tersebut, sila bertanyakan doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

-Berapa banyak harus diambil

Dewasa:

Dos ubat bergantung kepada tahap jangkitan seseorang dan juga bagaimana anda bertindakbalas dengan ubat ini. Biasanya ubat ini diberikan dalam dos di antara 50mg ke 400mg sekali sehari.

Kanak-kanak:

Dos bagi kanak-kanak adalah tidak disyorkan.

Tanya kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda berapa dos yang diperlukan secara tepat mengikut keperluan anda. Ikut arahan yang telah diberikan kepada anda.

Jika anda mengambil dos yang salah, Pharmaniaga Fluconazole Capsule tidak akan bertindak seperti yang sepatutnya dan masalah anda tidak akan bertambah baik.

-Bila perlu diambil

Ambil ubat anda pada waktu yang sama pada setiap hari. Pengambilan ubat pada waktu yang tetap pada setiap hari dapat memberikan kesan yang terbaik.

Ia juga dapat membantu anda untuk mengingatkan jadual pengambilan ubat anda.

Ubat ini boleh diambil sebelum atau selepas waktu makan.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan ubat ini selama mana yang telah diarahkan oleh doktor anda. Jangka waktu yang disarankan adalah bergantung kepada jenis jangkitan yang dialami oleh anda.

Individu yang mengalami sistem pertahanan / imun badan yang lemah atau mengalami jangkitan yang serius mungkin perlu mengambil ubat dalam jangka waktu yang panjang bagi mengelakkan daripada jangkitan tersebut kembali lagi.

Jangan berhenti mengambil ubat ini walaupun anda sudah berasa pulih. Jangkitan mungkin tidak pulih sepenuhnya atau tanda-tanda jangkitan mungkin akan kembali lagi jika anda tidak melengkapkan rawatan ubat ini seperti yang telah disarankan oleh doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda mengingatnya dan teruskan pengambilan dos seterusnya seperti biasa.

Jika ia sudah hampir dengan dos yang seterusnya, abaikan dos yang tertinggal itu dan teruskan pengambilan ubat seperti biasa.

Jangan gantikan dos ubat untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan risiko untuk mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda tidak pasti apa yang harus anda lakukan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Sila bertanya kepada ahli farmasi anda untuk sebarang panduan jika anda mempunyai masalah untukingati waktu pengambilan ubat.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Segera menghubungi doktor anda untuk sebarang nasihat, atau pergi ke Jabatan Kemalangan & Kecemasan di hospital yang berdekatan sekiranya anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule secara berlebihan.

Lakukan ini walaupun tiada terdapat kesan-kesan ketidakselesaan atau keracunan ubat.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan yang segera.

Semasa mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hendak memulakan sebarang pengambilan ubat yang baru, perlu maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule.

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

Maklumkan kepada doktor anda dengan segera sekiranya anda telah hamil ketika dalam tempoh rawatan dengan ubat ini.

Beritahu doktor anda sekiranya simptom jangkitan tidak bertambah baik dalam

PHARMANIAGA FLUCONAZOLE CAPSULE

Fluconazole (100mg, 150mg)

masa beberapa hari atau ia menjadi lebih teruk.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule untuk merawat masalah lain melainkan ia adalah atas arahan doktor anda.

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang sama seperti anda.

Jangan hentikan pengambilan ubat ini atau mengurangkan dos tanpa merujuk kepada doktor anda.

Jika anda tidak melengkapkan tempoh rawatan yang telah diarahkan oleh doktor anda, kesemua organisma yang menyebabkan jangkitan mungkin tidak akan mati. Malah kesemua organisma ini mungkin terus membesar dan berganda serta menyebabkan jangkitan anda tidak pulih sepenuhnya atau mungkin kembali.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendali mesin/jentera sehingga anda betul-betul pasti bagaimana Pharmaniaga Fluconazole memberi kesan kepada anda.

Ubat ini mungkin membuatkan anda rasa pening atau kadang kala boleh menyebabkan serangan sawan secara tiba-tiba bagi sesetengah orang. Jangan memandu atau mengendalikannya mesin sekiranya anda mengalami salah satu simptom tersebut.

Pastikan anda mematuhi nasihat doktor anda jika disyorkan untuk membuat pemeriksaan pada hati secara tetap.

Dalam kes yang terencil, Pharmaniaga Fluconazole Capsule mungkin boleh memberi kesan kepada hati anda dan pengambilan ubat ini harus dihentikan.

Beritahu kepada doktor anda dengan segera sekiranya anda pesakit HIV atau mempunyai sistem pertahanan badan

yang lemah dan mengalami ruam ketika mengambil ubat ini. Hentikan pengambilan ubat ini jika ruam ini menjadi bertambah buruk.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda berasa tidak sihat semasa mengambil Pharmaniaga Fluconazole Capsule.

Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang-kadang ia boleh menjadi kesan serius tetapi pada kebiasaannya ia tidak. Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubahan sekiranya mengalami beberapa kesan sampingan dari pengambilan ubat ini.

Jangan risau dengan senarai kesan-kesan sampingan di bawah kerana anda mungkin tidak akan mengalaminya langsung.

Kesan sampingan yang paling biasa berlaku daripada pengambilan ubat ini ialah:

- pening/ mual
- sakit dibahagian abdomen
- cirit-birit
- ruam
- sakit kepala
- senak

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya terdapat perkara lain yang telah membuatkan anda rasa tidak sihat.

Kesan-kesan sampingan yang tidak tersenarai di atas juga mungkin boleh berlaku kepada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [Consumers

→ *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Fluconazole Capsule

-Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya matahari.

Jangan gunakan Pharmaniaga Fluconazole Capsule yang telah tamat tempoh. Tarikh luput adalah merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Pharmaniaga Fluconazole Capsule 100mg:

Kapsul berwarna putih/biru gelap, bersaiz '2' dengan logo 'Pharmaniaga' dan tanda '100'.

Pharmaniaga Fluconazole Capsule 150mg:

Kapsul berwarna biru muda/biru muda, bersaiz '2' dengan logo 'Pharmaniaga' dan tanda '150'.

-Bahan-bahan kandungan

Pharmaniaga Fluconazole Capsule 100mg:

Bahan aktif:

Fluconazole 100mg

Bahan tidak aktif:

Cornstarch, Tablettose 80, Sodium Starch Glycolate, Sodium Lauryl Sulphate, Colloidal Silicone Dioxide and Purified Talc.

Pharmaniaga Fluconazole Capsule 150mg:

Bahan aktif:

Fluconazole 150mg

Bahan tidak aktif:

Cornstarch, Tablettose 80, Sodium Starch Glycolate, Sodium Lauryl

PHARMANIAGA FLUCONAZOLE CAPSULE

Fluconazole (100mg, 150mg)

Sulphate, Colloidal Silicone Dioxide and
Purified Talc.

-Nombor MAL

Pharmaniaga Fluconazole Capsule
100mg:
MAL20031733AZ

Pharmaniaga Fluconazole Capsule
150mg:
MAL20031732AZ

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(198001006232),
No. 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan
Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(198001006232),
No. 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan
Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/08/2023

Nombor siri

NPRA(R2/1)190610/159